

MYUniMAP
Edisi XXXVII
R&D

EUROINVENT

EUROPEAN EXHIBITION OF CREATIVITY AND INNOVATION

www.euroinvent.com

PRODUK ECO-GEOPIPE CEGeoGTech RAIH EMAS DI EUROINVENT 2018

Oleh : Ainunulniza Mohd Yusof

Penyelidik Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berjaya membawa pulang satu pingat emas, satu pingat perak dan anugerah Khas sempena European Exhibition of Creativity & Innovation EUROINVENT 2018 di Iasi Romania.

Produk Eco-Geopipe iaitu Novel Kaca Bertetulang Epoksi (GRE) diisi pengisi-geo yang menawarkan bahan-bahan geopolimer yang boleh diperbaharui adalah hasil kajian Dr Muhammad Firdaus Abu Hashim meraih pingat emas serta Anugerah Khas NIRD URBAN-INCERC Romania.

Dr Muhammad Firdaus berkata pendorong kepada hasil ciptaan itu adalah kerana paip - paip GRE sedia ada pada masa kini mempunyai beberapa masalah seperti isu kepada beban mekanikal yang tinggi selain kestabilan paip GRE yang mungkin sensitif terhadap kerosakan terutama ketika dikendalikan.

Katanya, bentuk bahan paip yang baru diisi dengan bahan geopolimer mempunyai ciri-ciri seperti simen yang mencadangkan beberapa faedah ekonomi, ketahanan, sifat mekanik yang baik, penyerapan air kurang dan rintangan api serta haba yang tinggi.

"Pendek kata novel GRE ini memenuhi bahan-bahan geopolimer sebagai pengisi disediakan untuk memenuhi kehendak yang diinginkan dan mengurangkan masalah sedia ada," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Selain novel GRE, satu lagi produk iaitu GeoGrout ciptaan Prof Madya Dr Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah berjaya meraih pingat perak.

EUROINVENT 2018 yang berlangsung sejak 16 Mei itu melibatkan 639 penyertaan dengan 281 produk antarabangsa dari 35 negara yang turut bersaing di pameran itu ialah Amerika Syarikat, Kanada, Bosnia, Hong Kong, Iraq, China, Taiwan, Russia dan banyak lagi serta 358 produk daripada Romania.